

## **BAB EMPAT**

### **HASIL DAPATAN KAJIAN KITĀB RIYĀD AL-ŠOLIHĪN**

#### **4.0 Pendahuluan**

Bab ini mengemukakan dapatan pengkaji tentang aspek pembangunan insan yang terdapat di dalam Kitāb Riyād al-Šoliḥīn. Dapatan ini diperolehi hasil analisa secara kuantitatif dan kualitatif teks tersebut.

Sebagaimana yang terjelas bahawa Kitāb Riyād al-Šoliḥīn merupakan salah sebuah kitab hasil susunan Al-Imām Al-Nawawī. Kitab ini selesai disusun oleh beliau pada hari Isnin tanggal 4 Ramadhan tahun 670H, (Al-Nawawī, 1969: 469). Kitab ini berorientasikan hadith-hadith nabi s.a.w, disamping ayat-ayat Al-Quran dan pandangan ulama-ulama serta ulasan daripada beliau sendiri. Nama yang diberi bersesuaian dengan intipatinya yang banyak menyentuh perkara-perkara yang membawa insan kepada kehidupan yang soleh dan kamil agar mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Al-Nawawī, 1983).

Pengkaji pada bahagian ini akan membentangkan dapatan penyelidikan Kitāb Riyād al-Šoliḥīn karangan Al-Imām Al-Nawawī ini dalam dua bahagian. Bahagian pertama ialah laporan berkenaan dengan paradigma Al-Imām Al-Nawawī dalam penggunaan metodologi penyampaian. Bahagian kedua pula laporan paradigma Al-Imām Al-Nawawī tentang isi pembangunan insan yang diberi penekanan oleh beliau.

#### **4.1 PARADIGMA AL-NAWAWĪ DALAM PENGGUNAAN METODOLOGI PENYAMPAIAN.**

##### **4.1.2 NAMA PENUH KITAB**

Nama penuh kitab yang dijadikan rujukan pada kajian ini ialah, .

مِنْ حَدِيثِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ لِإِلَمَامٍ أَبِي زَكْرِيَا يَحْتَى بْنِ شَرْفِ الثُّرُوِيِّ الدَّمْشِيقِيِّ رِيَاضِ الصَّالِحِينَ

*Riyād al-Šolihīn min Hadīth Sayyid al-Mursalīn li Al-Imām Abī Zakariā Yahyā bin Sharaf Al-Nawawī al-Damshiqī.*

Ertinya, “Riyād al-Šolihīn daripada hadith penghulu para rasul (Nabi Muhammad s.a.w) yang disusun oleh Al-Imām Abī Zakariā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī al-Damshiqī.”

#### 4.1.2 Mukaddimah Kitāb Riyād al-Šolihīn

Di dalam mukaddimah Kitāb Riyād al-Šolihīn, Al-Imām Al-Nawawī telah menjelaskan bahawa manusia diciptakan oleh Allah S.W.T untuk beribadat kepadaNya. Sedangkan dunia pula adalah penuh dengan kerosakan, tidak kekal dan hanya jambatan ke alam akhirat. Oleh itu, sayugialah manusia yang hidup di dunia ini memilih kehidupan beribadat kepada Allah S.W.T. dan berzuhud di dalamnya (Al-Nawawī, 1983: 53-54). Inilah jalan yang dianggap paling bijak dan berakal menurut beliau sebagaimana yang dijelaskan dalam syair yang berbunyi,

طَلَقُوكُمُ الْدُّنْيَا وَخَافُوكُمُ الْفَتَنَا	إِنَّ لِلَّهِ عِبَادًا فَنَّطَنَا
أَنْهَا لَيْسَتْ لَحْيَ وَطَنَا	كَظُرُوكُمُ فِيهَا فَلَمَّا عَلِمُوكُمْ
صَالِحُ الْأَعْمَالِ فِيهَا سُفْنَا	جَعَلْنُوكُمُ لَحْمَةً وَأَشْتَدُوكُمْ

Sesungguhnya Allah S.W.T. mempunyai hamba-hamba yang bijaksana. Mereka menceraikan dunia dan takutkan fitnah.

Mereka memerhatikan dunia, apabila mereka mengetahui bahawa dunia bukanlah sebenarnya tanah air bagi (manusia) hidup,

Lalu mereka menjadikan dunia ibarat kolam air sedangkan amalan-amalan soleh sebagai perahu-perahunya. (Al-Nawawī, 1983: 54)

Tegas beliau lagi, kalau seseorang sudah mengetahui hakikat kehidupan dunia dan segala sifatnya, perlulah dia memilih cara kehidupan golongan yang terpilih serta

mengikut jalan ahli fikir dan juga ahli peneliti. Selain itu, dia perlu bersedia untuk melaksanakan segala yang beliau anjurkan serta memerhatikan apa yang beliau peringatkan untuk dikerjakan. Menurut beliau, sebaik-baik jalan golongan terpilih, ahli fikir dan ahli peneliti ialah dengan memilih jalan latihan pembentukan akhlak dan adab sopan daripada nabi yang merupakan penghulu umat bagi umat manusia.

Seterusnya beliau menjelaskan tentang perintah Allah S.W.T. agar saling tolong-menolong dalam melakukan kebaikan dan ketakwaan. Perintah ini dijanjikan dengan ganjaran yang besar bagi sesiapa yang melakukannya. Dorongan ini telah memberikan inspirasi kepada beliau untuk menyusun *Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihīn* ini sebagaimana yang telah dijelaskan dalam kata-katanya,

“... Maka, aku berpandangan ingin untuk mengumpulkan ringkasan hadith-hadith yang sahih, yang memenuhi perkara yang dapat digunakan sebagai jalan kepada sesiapa (yang mempelajarinya untuk) menuju ke (jalan) akhirat. Juga yang dapat menghasilkan adab-adab di dalam dan luar (diri mereka). Selain itu juga untuk menghimpunkan hadith-hadith yang menjelaskan berita-berita gembira dan berita-berita ancaman dan berbagai-bagai lagi adab-adab bagi mereka yang menempuh jalan kebenaran: yang terdiri daripada hadith-hadith yang menghuraikan kezuhudan, latihan-latihan jiwa, pendidikan akhlak, kesucian hati dan cara mengobatinya, juga untuk menjaga anggota tubuh badan dan menghilangkan segala yang tersasar dan lain-lain lagi, semuanya itu merupakan tujuan dari semua orang yang mempunyai kemakrifatan (kepada Allah S.W.T.).

Di dalamnya saya pastikan supaya saya tidak menyebutkan melainkan hadith-hadith yang sahih sahaja dari segala yang (hadith-hadith yang) jelas berasaskan sumber daripada kitab-kitab hadith yang sohih lagi masyhur. Dan (disamping itu) aku mendahulukan permulaan setiap bab ayat-ayat yang mulia daripada kitab Al-Quran yang agung. Dan (ada pula yang) aku jelaskan sebarang yang memerlukan penghalusan, dan keterangan makna yang samar dengan peringatan yang indah.”  
(Al-Nawawi, 1983: 55)

Di akhir penulisan mukaddimahnya, beliau mengharapkan kitab ini mampu menjadi pembimbing kepada yang berkeinginan mencari segala kebaikan serta menjadi benteng daripada segala keburukan dan perkara yang membawa kerosakan kepada rohani dan jasmani (Al-Nawawi, 1983: 55).

Kesimpulannya, Al-Imām Al-Nawawī telah memberikan penjelasan secara umum tujuan beliau menyusun Kitāb Riyād al-Šolihīn iaitu keinginannya untuk membantu dalam kebaikan. Di samping itu, beliau telah memberikan serba sedikit keterangan metodologi penyusunan kitab tersebut.

#### **4.1.4 Pembahagian dan pengkategorian isi kandungan Kitāb Riyād al-Šolihīn**

Dalam usaha untuk memahami dan mengkaji metodologi serta isi kandungan Kitāb Riyād al-Šolihīn, pengkaji telah membuat beberapa pembahagian dan pengkategorian. Pembahagian dan pengkategorian tersebut secara umumnya terdapat dalam Jadual 1 yang merangkumi bilangan kitab, bilangan bab, tajuk bab, jumlah potongan ayat Al-Quran yang digunakan dan bilangan hadith dalam setiap bab. Kemudian, pengkategorian dibuat dari segi penggunaan empat jenis hadith sama ada hadith berbentuk Sahih, Hasan Sahih, Hasan dan Daif serta pembahagian hadith kepada lapan jenis hadith iaitu berbentuk Targhib, Tarhib, Suruhan, Tegahan, Nasihat atau Pengajaran, Kisah, Qudwah Hasanah atau hadith berbentuk Perbandingan. Secara keseluruhannya, pengkaji telah menyenaraikan segala isi kandungan Kitāb Riyād al-Šolihīn ini ke dalam Jadual 1 (sila lihat lampiran 2).

Jadual 1 (sila lihat lampiran 2) mewakili keseluruhan maklumat yang dikaji oleh pengkaji di dalam Kitāb Riyād al-Šolihīn. Jadual 1 menunjukkan pembahagian utama Kitāb Riyād al-Šolihīn ini kepada 20 kitab utama (kolumn 1: Bil. Kitab). Bagi setiap kitab ini pula terbahagi kepada beberapa bab utama dengan tajuk-tajuk yang tertentu (lihat kolumn 2: Bil. Bab dan kolumn 3: Tajuk Kitab).

Bagi setiap bab terangkum di dalamnya beberapa petikan hadith secara berturutan daripada keseluruhan hadith yang berjumlah 1896 (kolumn 6: Bil. Hadith). Setiap bab juga mengandungi beberapa petikan ayat Al-Quran sebagai permulaan

kepada penyampaian kandungan bab ini (kolumn 4: Jumlah ayat Al-Quran). Di samping itu, terdapat juga beberapa petikan hadith yang diberi sedikit kupasan oleh Al-Imām Al-Nawawī di dalam kitab ini (kolumn 5: Kupasan Al-Nawawī).

Sebagai contoh, hadith yang ke 13 hingga 24 terletak di dalam bab yang kedua yang bertajuk bab al-Taibat. Bab ini mengandungi 3 petikan ayat Al-Quran pada permulaan bab dan hanya satu kupasan diberikan oleh Al-Imām Al-Nawawī iaitu pada hadith yang ke-13. Bab ini merupakan salah satu bab yang terkandung di dalam kitab yang pertama iaitu ‘Kitab Maqasid al-‘Arifin’.

Setiap hadith (lihat kolumn 6: Bil. Hadis) juga digolongkan kepada beberapa jenis hadith sama ada Hadith Sahih, Hasan Sahih atau Hadith Daif (tersenarai pada barisan kolumn 7,8 dan 9). Manakala, pada kolumn ke-10 pula menerangkan riwayat bagi setiap petikan hadith ini sama ada diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang ditandakan dengan (B.M.), Bukhari (B.), Muslim (M.), Tarmidhzi (T.), Daud (D.), Nasai’ (N.), Hakim (H.). Malik (MK.) dan riwayat-riwayat lain (Dl).

Setiap hadith pula yang terdapat di dalam Kitāb Riyāḍ al-Šolihin ini terdiri daripada pelbagai bentuk hadith dari segi maknanya yang digolongkan kepada lapan bahagian iaitu Ḥadīth Targhib, Ḥadīth Tarhib, Hadith Suruhan, Hadith Tegahan, Hadith Nasihat atau Pengajaran, Hadith Kisah, Hadith Qudwah Hasanah dan Hadith Perbandingan. Kebiasaannya, setiap hadith boleh digolongkan kepada lebih daripada satu bahagian bahkan kadang kala setiap petikan hadith tergolong dalam kesemua lapan bahagian ini. Sebagai contoh, bilangan hadith ke-53 tergolong di dalam Ḥadīth Targhib, Ḥadīth Suruhan atau Pengharusan, Hadith Nasihat atau Pengajaran dan Hadith Qudwah Hasanah. Hasil daripada pengisian jadual 1 yang terletak di lampiran 1, pengkaji telah mendapatkan data-data dibawah ini.

#### 4.1.4.1 Pembahagian umum kandungan Kitāb Riyād al-Šolihīn

Secara umumnya Kitāb Riyād al-Šolihīn dibahagikan kepada 20 buah kitab yang terkandung di dalamnya bab-bab yang semuanya berjumlah 374 bab. Kebiasaannya Al-Imam Al-Nawawī akan memetik potongan-potongan ayat Al-Quran pada permulaan setiap bab yang beliau bincangkan. Jumlah keseluruhan potongan ayat Al-Quran yang digunakan di dalam Kitāb Riyād al-Šolihīn adalah sebanyak 440 potongan ayat.

**JADUAL 2: DATA PEMBAHAGIAN BILANGAN KITAB, BILANGAN BAB, JUMLAH POTONGAN AYAT AL-QURAN, KUPASAN AL-IMĀM AL-NAWAWI DAN BILANGAN HADITH DALAM SETIAP KITAB**

Bil	Nama-nama kitab	Bil.Bab	Potongan Al-Quran	Kupasan al-Nawawi	Bil. Hadith
1.	كتاب مقاصد المارفين	83	246	188	678
2.	كتاب الأدب	16	30	12	47
3.	كتاب أدب الطعام	17	0	12	51
4.	كتاب الليلى	10	2	5	35
5.	كتاب آداب النوم والاضطجاع والقعود والجلس والخلبس والرؤيا	4	1	2	31
6.	كتاب السلام	13	7	4	50
7.	كتاب هداية المربي وتشييع الميت والصلوة عليه وحضرور دنه، والملکت عند قبره بعد دفنه	22	1	4	62
8.	كتاب آداب السفر	14	1	11	35
9.	كتاب الفضائل	52	16	26	277
10.	كتاب الاعتكاف	1	0	0	3
11.	كتاب الحج	1	1	1	14
12.	كتاب الجهاد	7	11	5	91
13.	كتاب العلم	1	4	2	17
14.	كتاب حمد الله تعالى وشكوه	1	3	0	4
15.	كتاب الصلاة على رسول الله صلى الله عليه وسلم	1	1	0	11
16.	كتاب الأذكار	6	15	3	57
17.	كتاب الدعوات	4	15	1	46
18.	كتاب الأمور المهي عنها	116	74	60	298
19.	كتاب التشرفات والملحق	3	0	8	61
20.	كتاب الاستغفار ونعي المؤمنين في الآخرة	2	12	3	28
<b>Jumlah</b>	<b>20 buah kitab</b>	<b>374</b>	<b>440</b>	<b>347</b>	<b>1896</b>

Beliau juga jarang memberikan komen atau komentar dalam perbincangannya melainkan keterangan bagi mengupas maksud-maksud hadith yang kurang jelas. Kupasan beliau adalah sebanyak 347 kupasan berbanding bilangan hadith yang

keseluruhannya berjumlah 1896 petikan hadith (lihat Jadual 2). Isi-isi pembangunan insan yang dibincangkan oleh beliau ada terdapat dalam tajuk-tajuk babnya. Beliau hanya membawakan ayat Al-Quran dan hadith bagi menjelaskan tajuk-tajuk yang dibentangkan olehnya.

#### **4.1.4.2 Pengkategorian jenis hadith yang digunakan dalam *Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn***

Jumlah keseluruhan petikan hadith ialah 1896 petikan, *Al-Imām Al-Nawawi* juga telah menggunakan Hadith Sahih sebanyak 1624 petikan, Hadith Hasan Sahih pula sebanyak 109 petikan, manakala Hadith Hasan iaitu sebanyak 146 petikan.

**JADUAL 3: DATA PENGKATEGORIAN JENIS-JENIS HADITH YANG TERDAPAT DI DALAM SETIAP KITAB**

Bilangan Kitab	Hadith Shahih	Hasan Sahih (Al-Nawawi)	Hadith Hasan (Al-Nawawi)	Hadith Daif (Pentahkik)	Jumlah hadith di dalam kitab
1.	593	36	48	1	678
2.	43	3	1	0	47
3.	40	8	2	1	51
4.	25	4	6	0	35
5.	24	3	4	0	31
6.	35	5	9	1	50
7.	54	0	6	2	62
8.	27	1	6	1	35
9.	240	15	19	3	277
10.	3	0	0	0	3
11.	13	1	0	0	14
12.	74	12	4	1	91
13.	11	1	5	0	17
14.	2	0	2	0	4
15.	7	2	2	0	11
16.	47	3	7	0	57
17.	33	5	8	0	46
18.	268	9	15	6	298
19.	60	0	1	0	61
20.	25	1	1	1	28
Jumlah	<b>1624</b>	<b>109</b>	<b>146</b>	<b>17</b>	<b>1896</b>

Walau bagaimanapun pentahkik kitab tersebut iaitu Ustaz Ahmad Ratib Hamus (1983) menambah kepada jenis Hadith Daif yang dikira oleh pengkaji mengandungi 17 petikan (lihat Jadual 3).

#### 4.1.4.3 Data pembahagian para rawi hadith

Hadith-hadith dalam Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn juga telah dibahagikan oleh pengkaji kepada kepada 9 golongan hadith mengikut autoriti dari kalangan perawi hadith.

**JADUAL 4: DATA PEMBAHAGIAN RAWI HADITH KEPADA 9 GOLONGAN PERAWI**

Bil. Kitab	Riwayat Bukhari & Muslim (B.M.)	Riwayat Bukhari sahaja (B.)	Riwayat Muslim Sahaja (M.)	Riwayat Daud (D.)	Riwayat Tarmidzi (T.)	Riwayat Nasa'i (N.)	Riwayat Hakim (H.)	Riwayat Imam Malik (MK.)	Riwayat Imam lain (DII)
1.	297	88	187	34	90	5	1	0	4
2.	28	3	7	6	5	0	0	0	2
3.	19	6	13	5	11	1	0	0	0
4.	10	2	5	14	11	1	0	0	0
5.	8	6	2	12	6	0	1	0	0
6.	18	5	6	14	15	0	0	1	0
7.	21	10	15	9	8	0	4	0	0
8.	9	2	8	16	6	1	0	0	0
9.	115	26	85	29	38	2	0	0	0
10.	3	0	0	0	0	0	0	0	0
11.	8	3	2	1	1	0	0	0	0
12.	34	9	24	15	16	0	0	0	0
13.	5	1	3	3	7	0	0	0	0
14.	0	0	2	1	1	0	0	0	1
15.	2	0	2	4	4	0	0	0	0
16.	16	4	25	5	11	0	1	0	0
17.	12	4	12	6	14	1	1	0	0
18.	132	28	81	37	27	3	1	2	0
19.	26	12	22	0	0	0	0	0	0
20.	11	3	10	3	3	0	1	0	0
Jum.	774	212	511	214	274	14	10	3	7

Kedudukan hadith yang paling berautoriti ialah hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim yang semuanya berjumlah 774 petikan hadith. Ini seterusnya diikuti oleh hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang berjumlah 212 dan yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang berjumlah 511 petikan hadith. Baki hadith pula diriwayatkan oleh Imam Daud (214), Imam Tarmidzi (274), Imam Nasai (14), Imam Hakim (10), Imam Malik (3) dan lain-lain imam hadith (7) (lihat Jadual 4).

#### 4.1.4.4 Kedudukan hadith daif dalam Kitāb Riyād al-Šolihīn

Data-data tentang hadith daif adalah penting walaupun bilangannya adalah sedikit sahaja dalam Kitāb Riyād al-Šolihīn. Data-data ini penting kerana kedaifan hadith boleh mengurangkan mutu sesuatu hasil penulisan.

**JADUAL 5: DATA-DATA TENTANG HADITH DAIF**

No	Nama Kitab	Hadith	Bilangan Hadith daif dan Sebab Daif	Pada Ismed	Pada Tirmidzi	Pada Ibnu Majah	Pada Abu Dawud	Pada An-Nasai	Pada Ahmad	Hadith Shafi	Hamus	Hadith Qurtubi	Pendekar
1	كتاب ملخص السنن الراوي	342	1. Daif pada ismed	0	0	1	0	1	1	1	0	0	
2	كتاب أئم الظاهير	730	2. Daif pd ismed kerana Al-Masru ibn Abd Rahman al-Khusa'i menghal orangnya	1	0	0	0	0	1	1	1	0	
3	كتاب السلام	889	3. Dua hadisan pd ismed dan dituliskan oleh Ibnu Ishaq	0	0	0	0	0	1	1			
4	كتاب ملخص المحدثين و ملخص اللبيب واللبيب المحدث و ملخص الحادي و ملخص المحدثين	911	4. Di daifkan pd ismed oleh Tirmidzi	0	0	1	1	0	0	0	0		
		943	5. Di daifkan pd ismed oleh Abu Dawud, Bahrani	0	0	1	0	0	1	0	0		
5	كتاب أئم الضر	982	6. Daif pada ismed kerana berdasarkan prang yang matih	0	0	0	0	0	1	1	0		
6	كتاب المسار	1085	7. Didakwahkan pd ismed oleh Abu Dawud dan Ibn Al-İsa	0	0	1	0	0	0	0	0		
		1158	8. Didakwahkan pd ismed oleh al-Iraqi dan Bahrani	0	0	0	0	0	1	1	0		
		1247	9. Daif pd Hadis abugri yang dibenarkan oleh al-Talib al-Raghib Abi al-Tamīm Wa al-Tamīm	0	1	1	0	1	1	0	0		
7	كتاب الجواب	1334	10. Didakwahkan pd ismed oleh al-Albani	1	1	0	0	0	0	0	0		
8.	كتاب الامر للحسن بنها	1517	11. Daif pd ismed di dalam Kitab Al-Ahadith al-De'�ah	0	1	0	1	1	0	0	1		
		1538	12. Daif pada hadith seperti yang dibenarkan oleh permaisuri Hajar	0	1	1	0	0	0	0	0		
		1569	13. Daif pada hadith di dalam Kitab Al-Ahadith al-De'�ah	0	1	0	0	1	0	0	1		
		1641	14. Didakwahkan oleh Tirmidzi	0	0	0	1	0	0	0	0		
		1670	15. Daif pd ismed hadith	0	1	0	0	1	0	0	1		
		1722	16. Daif pd hadith sebagaimana oleh Ta'iq kepada Misyari'	0	0	0	1	1	0	0	0		
9	كتاب الاصغر و ملخص اللبيب في الاجرام	1873	17. Daif pada ismed sebagaimana yang dibenarkan oleh Kitab Al-Ahadith al-De'�ah	1	0	0	0	0	0	0	0		
		Jumlah		17	3	6	6	4	6	7	4	3	

Hasil penelitian pengkaji mendapati bahawa dalam Kitāb Riyād al-Šolihīn terkandung 17 Hadith Daif. Pengkaji telah menyenaraikan sebab-sebab hadith itu menjadi daif mengikut pandangan Ustaz Ahmad Ratib Hamus selain menyenaraikan kekerapan hadith-hadith tersebut dalam 8 kategori hadith (lihat Jadual 5).

#### 4.1.4.5 Pembahagian hadith-hadith kepada 8 kategori

Pengkaji dalam mengkaji metodologi penyampaian Al-Imām Al-Nawawi telah menyenaraikan data-data daripada setiap hadith-hadith dengan menggolongkannya kepada lapan kategori hadith. Kebiasaan dalam satu petikan hadith tergolong dalam lebih daripada 1 kategori yang lapan ini.

**JADUAL 6: DATA-DATA PEMBAHAGIAN HADITH KEPADA LAPAN JENIS**

No.	Hadith Targhib	Hadith Tarhib	Hadith Suruhan/Pengajaran	Hadith Tegahan/Pengarahan	Hadith Nasihat	Hadith Kisah/Cerita	Hadith Hasanah	Hadith Qudwah	Perbandingan
1.	299	183	175	63	223	268	225	193	
2.	12	3	21	6	20	31	26	12	
3.	12	5	19	15	13	26	24	12	
4.	7	13	9	7	4	17	15	5	
5.	9	10	5	3	6	15	12	4	
6.	8	3	19	6	9	28	25	8	
7.	25	5	16	4	9	33	26	9	
8.	6	5	11	2	13	20	17	2	
9.	134	31	87	14	52	114	92	57	
10.	0	0	0	0	0	3	3	0	
11.	7	0	6	1	4	8	4	5	
12.	71	7	12	5	12	30	20	52	
13.	11	5	4	1	2	1	0	9	
14.	2	1	1	0	0	2	1	0	
15.	4	2	5	1	5	4	4	1	
16.	29	2	9	0	9	27	27	26	
17.	8	1	12	0	9	31	28	8	
18.	32	148	77	108	131	82	65	115	
19.	16	15	11	7	13	40	12	37	
20.	22	2	1	0	1	20	5	22	
Jumlah	714	441	500	243	535	800	631	577	

Hasil daripada pengisian jadual tersebut pengkaji mendapat keputusan bahawa Al-Imām Al-Nawawi telah menggunakan sebanyak 714 hadith-hadith yang berbentuk Targhib berbanding hanya 441 hadith yang berbentuk Tarhib. Selain itu, sebanyak 500 hadith adalah dalam bentuk suruhan berbanding 243 hadith dalam bentuk hadith tegahan atau larangan. Lain-lain golongan hadith ialah 535 hadith dalam bentuk nasihat dan pengajaran, 800 hadith dalam bentuk kisah dan cerita, 631 hadith dalam bentuk Qudwah Hasanah dan akhirnya 577 hadith dalam bentuk perbandingan (lihat Jadual 6).

## 4.2 LAPORAN PEMBANGUNAN INSAN MENURUT PARADIGMA AL-IMĀM AL-NAWAWI

Pembangunan insan menurut paradigma Al-Imām Al-Nawawi<sup>1</sup> di dalam Kitāb Riyād al-Šolihin melengkapi berbagai-bagai aspek kehidupan yang boleh menjadi panduan kepada umat Islam kerana di dalamnya terkandung petikan Al-Quran dan Hadith yang menjadi asas kepada pembangunan insan kamil.

Pada pandangan pengkaji hampir keseluruhan kitab beliau ini membicarakan aspek-aspek pembangunan insan yang seharusnya dicapai oleh setiap insan. Dalam bahagian ini, pembangunan insan akan dibicarakan mengikut kelompok-kelompok khusus kerana tujuan kajian ini ialah untuk melihat bidang pembangunan insan beliau. Secara umumnya, pembangunan insan yang dibicarakan dalam Kitāb Riyād al-Šolihin boleh dikelompokkan kepada lapan aspek iaitu, pembangunan akhlak kepada Allah S.W.T, pembangunan akhlak kepada manusia, pembangunan sosial, pembangunan adab kehidupan, pembangunan ibadat, pembangunan jihad, pembangunan ilmu dan pembangunan pengetahuan batasan agama.

### 4.2.1 Pembangunan akhlak kepada Allah S.W.T

Pembinaan akhlak kepada Allah S.W.T sepetimana yang dibincangkan oleh Al-Imām Al-Nawawi<sup>2</sup> ialah sekitar akhlak insan kepada Allah S.W.T semata-mata. Akhlak ini meliputi pembangunan sifat-sifat hati yang terkandung 10 sifat iaitu keikhlasan dan kehadiran niat, taubat, muraqabah<sup>1</sup>, yaqin dan tawakkal<sup>2</sup>, takut dan harap, warak<sup>3</sup> dalam

<sup>1</sup> Muraqabah ialah orang yang berjaga-juga dengan Allah S.W.T. dan tidak melakukan sesuatu perkara dengan turgesu-gesa kerana takutkanNya (al-Nawawi, 1983: 90)

<sup>2</sup> Yaqin pada bahasa bermakna, Ilmu yang tidak ada syukur padanya. Dari segi istilah bermaksud, pegangan kepada sesuatu dan seseorang tidak akan bergantik daripada sesuatu melainkan apa yang dipegang. Tawakkal kepada Allah S.W.T. pula bermaksud, tetapi tidak bergantik melainkan kepadaNya sahaja, dari penyerahan serta pegangan hanya kepadaNya (al-Nawawi, 1983: 98).

<sup>3</sup> Waruk ialah meninggalkan apa yang tidak mengapa kerana berjaga-juga terhadap sesuatu yang mempunyai apa-apa. Adu dua jenis, pertamanya waruk sunat ialah meninggalkan syubhat dan keduanya, waruk wajib ialah meninggalkan yang haram (al-Nawawi,

perkara syubhat, takwa<sup>4</sup>, istaqamah<sup>5</sup>, berpegang kepada perintah Allah S.W.T. dan menangis kerana takutkan kepadaNya dan rindu kepadaNya.

Manakala akhlak kepada Allah S.W.T melalui fikiran adalah tiga etika iaitu, tafakkur<sup>6</sup>, mengingati maut, dan memendekkan angan-angan.

Termasuk juga dalam akhlak kepada Allah S.W.T ialah 9 sifat lain iaitu, sifat sabar, jujur, qana'ah<sup>7</sup>, bersegera kepada kebaikan dan bersungguh-sungguh, menjaga sunnah Rasulullah s.a.w, zuhud di dunia, bersyukur terhadap kekayaan, memperbanyakkan perkara berkat dan menambahkan kebajikan ketika umur tua.

#### **4.2.2 Akhlak sesama insan**

Pembangunan akhlak ini pula sebagaimana yang dibincangkan oleh Al-Imām Al-Nawawi meliputi pembangunan sifat-sifat hati insan terhadap insan yang dijelmakan oleh akhlak luarannya. Sifat tersebut ialah, tawaduk sesama umat Islam, marah terhadap perlanggaran kehormatan syarak, murah hati, membelanjakan harta kepada jalan kebaikan, pemaaf, cermat dan lemah lembut.

Pembangunan sifat ini juga termasuk pembangunan akhlak luaran yang dijelmakan oleh insan kepada insan yang lain. Sifat ini meliputi amanah<sup>8</sup>, menjadi contoh kebaikan, makan hasil usaha sendiri, membelanjakan apa yang dicintai dan yang terbaik serta baik perangai. Pembangunan akhlak ini juga meliputi sifat sabar, jujur,

<sup>4</sup> Takwa bererti, *menjaga daripada apa yang ditakuti*. Oleh itu takwa kepada Allah S.W.T membawa maksud mentaatinya dan tidak melawanNya, mengingatinya dan tidak melupakanNya, mensyukurinya dan tidak mengkufrinya (al-Nawawi, 1983: 93).

<sup>5</sup> Sentiasa mengikut cara yang betul dan lurus, dan saidina umar berkata, istiqmah itu kamu berdiri atas perintah Allah S.W.T dan larangannya, tidak menyimpang seperti musang yang suka membuat tipu daya (al-Nawawi, 1983: 104).

<sup>6</sup> Bersikir atau memerhati terhadap keagungan ciptaan Allah S.W.T., kebinasaan dunia, kedsyeyatan akhirat dan segala perkara yang membawa menghalang nafsu, mendidiknya dan sentiasa istiqamah (al-Nawawi, 1983: 105).

<sup>7</sup> Qana'ah: ridha dengan peruntukan atau bahagiannya.

<sup>8</sup> Amanah ialah setiap apa yang boleh dipercayai daripada suruhan, tegahan, dan kedudukan agama dan dunia. Juga bermaksud tanggungjawab yang terpikul yang disuruh oleh Allah S.W.T untuk dilaksanakan (al-Nawawi, 1983: 154). Selain itu bermaksud, menjalankan tanggungjawab syara', benar di dalam jual beli, menunaikan hak yang empunya hak. (Muatfa Said, 1992: 181)

‘ifāf<sup>9</sup>, bersegera kepada kebaikan, bersungguh-sungguh, menjaga sunnah baginda s.a.w, zuhud di dunia, bersyukur terhadap kekayaan dan memperbanyakkan perkara berkat.

#### **4.2.3 Pembangunan sosial**

Al-Imām Al-Nawawi juga membincangkan aspek pembangunan sosial insan kepada tiga aspek. Pengkaji membahagikan perbincangannya kepada pembangunan sosial dalam institusi keluarga, pembangunan sosial dalam masyarakat umum serta pembangunan sosial antara pemerintah dan rakyat.

##### **4.2.3.1 Pembangunan sosial dalam institusi keluarga**

Aspek ini meliputi aspek pembangunan sosial daripada segi hubungannya dengan ahli keluarga iaitu isteri atau suami, ibu bapa, anak-anak dan kaum kerabat. Ini meliputi enam hal iaitu tanggungjawab suami kepada kaum isteri, tanggungjawab wanita dalam perkahwinan, perbelanjaan kepada keluarga, berbuat baik kepada ibu bapa dan menghubungangkan silaturrahim, berbuat baik kepada rakan-rakan ibu bapa, kaum kerabat terdekat dan rakan isteri dan memastikan ahli keluarga dan anak yang mumayyiz<sup>10</sup> serta yang di bawah tanggungan agar mentaati Allah S.W.T, melarang anak-anak daripada melakukan perbuatan yang menyalahi perintahNya dan melatih mereka kepada adab sopan.

---

<sup>9</sup> I'faf: menjauhi daripada meminta-minta dengan manusia. (al-Nawawi, 1983: 286)

<sup>10</sup> Sampai peringkat umur yang boleh membezakan mana yang mudharat dan mana yang bermanfaat (al-Bustani, 1952: 756)

#### **4.2.3.2 Pembangunan sosial dalam masyarakat umum**

Pembangunan perhubungan sosial kedua yang dibincangkan oleh Al-Imām Al-Nawawi adalah pembangunan sosial dalam masyarakat umum. Beliau telah menyenaraikan 14 aspek pergaulan sosial di dalam masyarakat iaitu, menghormati jiran-jiran dan hak-haknya, menyeru insan kepada kebaikan, menjadi tauladan yang baik, bertolong-tolongan dalam kebaikan dan takwa, menasihati, menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran, mencegah kezaliman, menjaga kehormatan dan hak-hak orang Islam, menutup keaiban orang Islam dan mencegah daripada menyebarkannya, memenuhi keperluan-keperluan orang Islam, mendamaikan sesama manusia, bersikap lembut, mengasihi, merendah diri kepada anak yatim, anak perempuan, orang yang lemah, orang miskin dan cacat, memuliakan ahli keluarga Rasulullah s.a.w<sup>11</sup>, memuliakan ulama, orang tua dan orang yang mempunyai kedudukan dan mengutamakan mereka di dalam majlis-majlis keraian, tuntutan menziarahi, menyayangi, mendoakan dan bersahabat dengan orang-orang baik dan menghadiri majlis-majlis mereka dan menyintai saudara seislam kerana Allah S.W.T.

#### **4.2.3.3 Pembangunan sosial antara pemerintah dan rakyat**

Aspek pembangunan pergaulan dan perhubungan antara pemerintah dengan rakyat atau rakyat dengan pemerintah sebagaimana yang dibincangkan oleh Al-Imām Al-Nawawi meliputi enam aspek iaitu pemerintah bersikap lemah lembut, memberi nasihat, menyayangi, tidak menipu, tidak bersikap keras, tidak melalaikan kemaslahatan dan keperluan asas terhadap rakyatnya, pemerintah menjadi penguasa yang adil, rakyat mentaati arahan pemerintah yang bukan kepada perkara maksiat, rakyat ditegah

meminta jawatan pemerintahan, kewajipan pemerintah, qadi dan orang yang berkuasa melantik penolong yang soleh dan mengelak daripada menerima penolong dari kalangan orang yang jahat dan, larangan kepada pemerintah melantik wazir, hakim dan pegawai-pegawai lain dalam jabatan-jabatan kerajaan terhadap orang yang tamak mendapatkannya.

#### **4.2.4 Pembangunan adab kehidupan**

Aspek pembangunan yang keempat menurut paradigma Al-Imām Al-Nawawi ialah pembangunan adab-adab kehidupan. Beliau membincangkan aspek adab atau sopan santun ini dalam dua aspek iaitu pembangunan sifat beradab dan tatacara kehidupan yang beradab.

##### **4.2.4.1 Pembangunan sifat beradab**

Al-Imām Al-Nawawi telah menyenaraikan sifat-sifat beradab yang sepatutnya ada dalam diri setiap insan yang dikatakan berperadaban. Sifat-sifat beradab ini terangkum dalam 14 sifat beradab iaitu malu, menjaga rahsia, menunaikan janji, baik bicara, wajah manis, jelas bicara, menghormati bicara orang lain, tenang, memuliakan tetamu, memberikan berita gembira dan tahniah terhadap perkara yang baik, mengucapkan selamat tinggal kepada kawan dan menasihatinya, mendoakannya dan memohon doa daripadanya sewaktu perpisahan kerana musafir, beristikharah dan bermesyuarat serta sentiasa mendahului anggota kanan pada segala perkara yang mulia. Semua sifat ini adalah sifat insan berperadaban dan dituntut di dalam Islam untuk sentiasa menunjukkan perangai dengan segala sifat ini.

---

<sup>11</sup> Ahli keluarga Rasulullah s.a.w ialah semua yang diharamkan menerima sedekah yang terdiri dalam keluarga Ali r.a., Aqil r.a., Ja'far r.a. dan keluarga Abbas r.a. dan isteri-isteri baginda (al-Nawawi, 1983: 211-212).

#### **4.2.4.2 Tatacara kehidupan beradab**

Beliau juga telah menyenaraikan tatacara kehidupan berperadaban yang lengkap bersumberkan Hadith. Tatacara kehidupan beradab berjumlah 11 iaitu adab makan dan minum, adab berpakaian, adab tidur, adab berbaring, adab bermimpi, adab duduk, adab dalam majlis, adab salam dan meminta izin masuk ke rumah, adab bersin dan menguap, adab menziarahi orang sakit hingga selesai mentajhizkan mayat serta adab bermusafir.

#### **4.2.5 Pembangunan ibadat Khususiah**

Aspek kelima pembangunan insan menurut paradigma Al-Imām Al-Nawawi' ialah pembangunan ibadat. Aspek pembangunan ibadat ini meliputi 11 perkara ibadat iaitu pertama, pembacaan Al-Quran yang meliputi penghafalannya dan pembacaannya. Kedua, solat yang meliputi wudhuk, azan, solat wajib lima waktu, berjalan ke masjid, menunggu waktu solat dan solat berjemaah, saf yang pertama, solat jumaat, solat-solat sunat. Ketiga, sujud syukur. Keempat, siwak dan perkara fitrah yang berkisar kepada memberus dan membersihkan gigi dan mulut serta membersihkan perkara-perkara fitrah iaitu menggunting misai, membiarkan janggut, mencabut bulu ketiak, mencukur bulu ari-ari dan memotong kuku. Kelima, zakat yang meliputi zakat fitrah, zakat harta dan sedekah. Keenam, puasa Ramadhan yang meliputi juga melihat anak bulan, bersahur, berbuka, menjaga lidah dan anggota ketika berpuasa dan puasa-puasa sunat. Ketujuh, i'tikaf. Kelapan, haji. Kesembilan, berzikir kepada Allah S.W.T dan mensyukuriNya. Kesepuluh, salawat ke atas Rasulullah s.a.w. Kesebelas doa dan istighfar.

#### **4.2.6 Pembangunan Jihad**

Perkara keenam pembangunan insan yang dibincangkan oleh Al-Imām Al-Nawawi' ialah pembangunan jihad. Beliau memperlihatkan bidang pembangunan ini sekitar usaha insan dalam mempertahanan dan mengembangkan agama Islam yang suci.

#### **4.2.7 Pembangunan ilmu**

Perkara yang ketujuh daripada paradigma pembangunan insan Al-Imām Al-Nawawi' ialah dari segi pembangunan ilmu. Beliau banyak menyentuh kepada tanggungjawab mendapatkan ilmu, mengamalkan dan menyampaikannya.

#### **4.2.8 Pembangunan batasan agama**

Aspek terakhir pembangunan insan menurut Al-Imām Al-Nawawi' ialah aspek pembangunan batasan agama yang sewajarnya perlu jauhi. Beliau telah mengkategorikan kepada beberapa peringkat batasan beragama. Beliau telah mengutarakan semua batasan-batasan agama dalam lima bentuk batasan iaitu dari tahap yang tertinggi hingga tahap yang terendah. Kelima-lima bentuk batasan agama itu ialah (Al-Nawawi', 1983: 594-697):

##### **4.2.8.1 Perkara yang sangat haram**

Beliau menggunakan lafaz *Galaz Tahrīm* (جائز تحریم) yang bermaksud pengharaman keras dan *Ta'kid Tahrīm* (تأکید تحریم) yang bermaksud pengharaman yang diperkuatkan. Terdapat enam perkara yang termasuk di dalam kategori ini iaitu persaksian palsu, makan harta anak yatim, riba, sumpah dusta dengan sengaja, hamba yang lari daripada tuannya dan penggunaan sihir.

#### 4.2.8.2 Perkara yang diharamkan

Beliau menjelaskan pengharaman perkara-perkara di bawah dengan kalimah *Tahrīm* (۰۰). Batasan pengharaman ini meliputi 39 perkara iaitu haram melakukan kezaliman (Al-Nawawi, 1983: 159), mengumpat dan mendengar umpatan, mengadu domba antara manusia yang membawa kepada kerosakan, berbohong kecuali yang dibolehkan oleh syarak, melaknat seseorang atau binatang, memaki orang Islam dan mayat tanpa hak, hasad dengki, menghina orang Islam, merosakkan nasab yang jelas menurut zahir syaraknya, derhaka kepada ibu bapa dan memutuskan silatulrahim (Al-Nawawi, 1983: 206), berkhianat, tidak sapa-menya apa antara kaum muslimin lebih daripada tiga hari, mendera binatang dengan menggunakan api, menunda-nunda pemberian hak dari orang kaya kepada orang yang berhak memperolehinya, riak, melihat wanita ajnabiah tanpa keperluan syarak, berkhawlāt dengan wanita, menyerupai lelaki akan wanita dan sebaliknya, memakai rambut palsu, membuat tatu dan mengikis gigi, meratapi mayat, memelihara anjing kecuali untuk berburu, menjaga ternak dan tanaman, mengucapkan syahansyah untuk sultan atau lainnya, mengatakan sesama Muslim ‘hai orang kafir’, seorang isteri menolak untuk diajak ke tempat tidur suaminya tanpa uzur, isteri berpuasa sunat sewaktu suaminya ada di rumah tanpa izinnya, maknum mengangkat kepala dari ruku’ atau sujud sebelum imam, berjalan di hadapan orang yang bersolat, puasa dalam dua hari atau lebih tanpa berbuka dengan makan dan minum, duduk di atas kubur, binaan di atas kubur, memberi syafaat dalam melaksanakan hukuman hudud, berkabung bagi wanita lebih dari tiga hari kecuali suaminya (dibolehkan selama empat bulan sepuluh hari), orang kota menjualkan milik orang desa dan menyongsong penjual di atas kenderaan, juga haram menjual atas jualan saudaranya dan melamar di atas lamaran saudaranya kecuali kalau diizinkan,

menggunakan bejana yang diperbuat daripada emas dan perak untuk makan, minum, bersuci dan lain-lain kegunaan, seorang lelaki memakai pakaian yang diletakkan minyak za'faran, seseorang yang mengaku nasab dari seorang yang bukan ayahnya, mengaku hamba kepada seseorang yang bukan tuannya serta membuat dan menggunakan gambar binatang sama ada di hamparan, di batu, di baju, di wang dirham dan dinar, di sarung bantal dan lain-lain.

#### **4.2.8.3 Perkara-perkara yang dilarang**

Al-Imām Al-Nawawi menggunakan perkataan *al-Nahi* (نهى) atau *Nahā* (نها) dalam menjelaskan perkara yang dilarang di dalam agama. Terdapat 30 perkara yang dilarang iaitu larangan menyampaikan perbicaraan orang lain kepada penguasa negara kecuali perkara tersebut boleh merosakkan negara, menyakiti sesama makhluk, benci-membenci, putus-memutus ikatan persahabatan atau silaturrahim dan saling tidak sapa-menyapa, mencari kesalahan orang dan mencuri-curi dengar, buruk sangka kepada orang Islam, menunjukkan rasa gembira terhadap malapetaka yang menimpa orang Islam, menipu, mengungkit-ungkit pemberian, berbangga-bangga diri dan melanggar aturan, berbisik-bisik antara dua orang tanpa orang ketiga tanpa keizinan, mendera hamba, binatang, wanita dan kanak-kanak tanpa sebab syarak, menyerupai syaitan dan orang kafir, mewarnakan rambut kepada warna hitam, menyukur sebahagian rambut bagi lelaki dan menyukur rambut wanita, mencabut uban janggut dan rambut, membiarkan api menyala di rumah ketika hendak tidur, paksaan dalam perbuatan dan ucapan yang tidak ada maslahat, mendatangi ahli tenung, ahli nujum, peramat dan sebagainya, merasa akan mendapat celaka kerana berlaku sesuatu perkara, berludah dalam masjid, membawa bawang putih, bawang merah dan yang berbau busuk ke dalam masjid, memotong atau mencukur rambut dan memotong kuku kepada orang yang ingin

berkorban pada 10 Zulhijjah sehingga ia menyelesaikan korbannya, bersumpah dengan menggunakan nama makhluk, memanggil orang fasik atau yang membuat amalan bid'ah dan yang seumpamanya sebagai ‘tuan sayyid’ atau yang seumpamanya, memaki angin, mengeluarkan ucapan ‘kita dihujani keberkatan bintang anu’, membuat perkara keji dan menggunakan bahasa yang kotor, menggambarkan sifat wanita kepada seseorang lelaki kecuali jika ada keperluan syarak, mengangkat mata ke langit dalam solat, solat mengadap kubur, mensia-siakan harta di tempat yang tidak diizinkan oleh syari‘at, berisyarat kepada seorang muslim dengan menggunakan pedang dan memberikan pedang dalam keadaaan terhunus, bermusafir dengan membawa mashaf Al-Quran ke negeri kafir jikalau dikhuatiri akan jatuhnya ke tangan mereka, berdiam diri hingga ke malam, membuang air besar di tempat lalu lalang, di tempat berteduh, di sumber air dan sebagainya dan larangan membuang air kecil dan seumpamanya di dalam air bertakung.

#### **4.2.8.4 Perkara-perkara yang dibenci untuk dilakukan atau makruh**

Al-Imām Al-Nawawi menggunakan perkataan *karāhah* (کراہ) atau *karāhiyyah* (کراہیہ) dalam menjelaskan perkara yang dibenci atau makruh dilakukan. Terdapat 26 perkara yang dikategorikan sebagai makruh iaitu menarik kembali pemberian dan membeli sesuatu benda yang telah disedekahkannya, bercebak dan memegang kemaluan dengan tangan kanan tanpa uzur, berjalan dengan memakai sebelah selipar atau sepatu atau khuf, menggantungkan loceng pada unta atau binatang lainnya dan membawa anjing dan loceng ketika bermusafir, menaiki unta yang makan kotoran, bertengkar di dalam masjid, menguatkan suara, menanyakan barang yang hilang, berjual beli, menyewa dan lain-lain amalan mu‘āmalat di dalam masjid, duduk ihtiba’ pada hari Jumaat sedang imam berkhutbah, bersumpah dalam berjual beli walaupun benar, seseorang meminta dengan Zat Allah S.W.T. selain daripada Syurga dan menolak

seseorang yang meminta dengan menggunakan ucapan “dengan Allah S.W.T”, memaki-maki penyakit demam, memaki ayam, menunjuk-nunjuk dengan menggunakan bahasa yang indah dalam percakapan dengan tujuan berlagak sompong, memaksa diri dapat berbicara dengan fasih atau kata-kata asing, dan menyusun kata dengan susunan yang rumit ketika bercakap dengan orang awam dan yang setara dengan mereka, berkata ‘cemar jiwaku’, menamakan anggur dengan sebutan ‘al-Karm’, berdoa dengan, “Ya Allah! Ampunilah daku kalau engkau berkehendak”, ucapan dengan, “sesuatu yang Allah S.W.T. menghendaki dan si fulan itu juga menghendaki”, bercakap-cakap selepas solat Isya’, meletakan tangan di atas rusuk sebelas atas pangkal peha ketika solat, solat di hadapan makanan dan ketika berkeinginan untuk makan juga ketika menahan buang air kecil dan besar, menoleh dalam solat tanpa ada uzur, makmum memulai solat sunat setelah bilal mulai iqamah, mengkhususkan puasa pada hari Jumaat dan malamnya untuk solat, mengutamakan seseorang anak dari anak-anak yang lain dalam pemberian, keluar masjid sesudah azan kecuali uzur sehingga selesai solat wajib, menolak haruman tanpa uzur, memuji di hadapan orang yang dipuji yang dikhuatiri merosakkannya, dan keluar dari negeri yang sedang tersebarnya wabak penyakit kerana melarikan diri dan datang ke negeri yang sedang dilanda wabak.

#### **4.2.8.5 Perkara-perkara yang dikeji**

Batasan agama yang terakhir yang disebutkan oleh Al-Imām Al-Nawawi<sup>i</sup> ialah batasan terhadap perkara yang dikeji. Beliau menggunakan perkataan *al-Zam* (زام) yang bererti kejian. Hanya satu sahaja perkara yang dikeji iaitu, kejian kepada orang yang bermuka-muka atau munafik.

Segala batasan agama di atas boleh disimpulkan bahawa Al-Imām Al-Nawawi begitu berhati-hati dalam memelihara insan daripada segala perkara yang menjauhkan

mereka daripada mendekatkan diri kepada Allah S.W.T dan agamaNya dan menjauhkan mereka daripada perkara-perkara yang menghalang mereka daripada mencapai tahap kesolehan di dunia agar mendapat keselamatan daripada azab di dunia dan di akhirat.

#### 4.3 Kesimpulannya

Paradigma Al-Imām Al-Nawawī dalam pembangunan insan mewakili dua aspek utama iaitu metodologi penyusunan yang baik dan isi pembangunan yang lengkap dan sempurna. Kedua-dua aspek inilah yang menjadikan kedudukan Kitāb Riyād al-Šolihin begitu sempurna dalam membicarakan usaha pembangunan insan yang hendak dibangunkan oleh beliau.